

21 APR 2003

UMNO DI KEDAH DIMITNA JANGAN BUAT USUL MENGENAI JAWATAN DR MAHATHIR

JITRA, 21 April (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata bahagian-bahagian Umno di negeri itu tidak seharusnya membuat usul supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak melepaskan jawatan Presiden Umno.

Beliau berkata tidak wajar bagi mana-mana bahagian menyentuh mengenai perkara itu kerana ia menggambarkan seolah-olah bahagian berkenaan tidak menghormati keputusan Perdana Menteri untuk berundur.

"Kita sepatutnya menerima dan menghormati keputusan itu," katanya kepada pemberita semasa ditanya mengenai usul Umno Bahagian Pendang yang bermesyuarat pada Sabtu lepas yang meminta Dr Mahathir kekal menerajui Umno apabila beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri kelak.

Syed Razak, yang ditemui selepas majlis penyampaian saguhati kepada pegawai masjid seluruh Kedah di sini hari ini, berkata Umno Bahagian Pendang tidak sepatutnya membuat usul berkenaan kerana semua bahagian di negeri itu telah diarahkan menghormati keputusan Dr Mahathir.

"Semasa mesyuarat badan perhubungan negeri, ketua-ketua bahagian telah bersetuju untuk menerima keputusan Perdana Menteri itu, dan sepatutnya ia tidak ditimbulkan lagi," katanya.

-- BERNAMA

MZM MAI